

JAN 2024 / BIL. 10 / 2024

EON

Epitome of Nature

K E S I H A T A N D A N K E S E J A H T E R A A N



MAJALAH PP BIOLOGI
UITMCNS

ISSN 2773-5869



KEUPAYAAN MENGAKSES VISUAL SEBAGAI MEDIUM KOMUNIKASI PENTING DALAM MENYAMPAIKAN TATACARA MESEJ KESIHATAN

Hanafi Hj Mohd Tahir
Kolej Pengajian Seni Kreatif,
UiTM Cawangan Perak,
Kampus Seri Iskandar, 32610
Seri Iskandar, Perak

hanaf185@uitm.edu.my

EDITOR: AMIRUL ADLI ABD
AZIZ

KOMUNIKASI VISUAL

Terdapat pelbagai kaedah yang terbaik dan terpanjang untuk menghantar mesej masakini samada menggunakan kaedah digital atau secara dalam talian. Penghantar mesej lazimnya mengharapkan mesej yang ingin disampaikan dengan cepat dan mudah. Dalam era komunikasi, teks dan visual merupakan elemen yang perlu ada dalam menyampaikan mesej. Tetapi sejauh mana kejayaan menerima dan memahami mesej bergantung kepada keberkesanan komunikasi tersebut. Sebagai contoh, penggunaan visual untuk komunikasi perlu bersesuaian supaya sasaran khalayak dapat mengakses visual tersebut dengan jelas dan mudah difahami. Persoalannya

adakah komunikasi visual berkeupayaan untuk memberi implikasi dan mendidik sasaran khalayak tentang maklumat Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam aspek kawal selia pandemik serta wabak penyakit yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)? Apakah persepsi dan pemahaman sasaran khalayak terhadap maklumat kesihatan melalui komunikasi visual yang disampaikan?

Komunikasi visual ialah satu proses penyampaian maklumat yang melibatkan visual. Ia disampaikan melalui gabungan fotografi, animasi, ilustrasi, tipografi, simbol/lambang, pengiklanan, multimedia dan juga imej grafik. Selaras dengan maklumat digital semasa, komunikasi visual menjadi satu keperluan penting kepada semua masyarakat dunia. Menurut Surej dan Rouxelle (2020), visual telah mewujudkan persepsi dan mempengaruhi sasaran khalayak dalam faktor pembelian. Visual telah digunakan dan membantu dalam beberapa sektor seperti pendidikan, keselamatan, pengiklanan dan juga berperanan dalam sektor kesihatan. Sebagai contoh, penggunaan visual digunakan secara meluas dalam pelaksanaan garis panduan (SOP) oleh KKM untuk membantu sasaran khalayak memahami aturan dan perintah kesihatan. Komunikasi visual menjadi kaedah yang terbaik semasa pandemik dan wabak kesihatan. Menurut Rosli (2015), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), semasa

pandemik wabak kesihatan, visual yang berperanan penting membantumenghantar mesej dan informasi kesihatan kepada khalayak sasaran. Setiap khalayak sasaran mempunyai persepsi yang berbeza-beza terhadap mesej yang diterima, ada yang mudah faham melalui tulisan teks dan ada yang lebih mudah faham komunikasi secara visual. Ini adalah kerana tidak semua khalayak sasaran dapat mengakses pemahaman, kehendak dan keperluan yang sama.

Pelaksanaan dan penggunaan kandungan visual mengenai penularan penyakit dan wabak dengan membantu meningkatkan kefahaman arahan kesihatan dan SOP diberikan oleh KKM. Menurut WHO, visual lebih mudah untuk difahami dan berkesan mencapai khalayak sasaran yang berbeza umur, latar belakang dan tahap pendidikan. Video dan imej banyak membantu mempertingkatkan penceritaan dan menerangkan cara kerja WHO dengan berkongsi mesej dan maklumat kepada khalayak sasaran. WHO melaporkan persembahan visual adalah cara yang lebih mudah untuk menyampaikan mesej selain daripada menyampaikannya melalui teks.

Platform media sosial telah banyak membantu menghebahkan info kesihatan dengan lebih mudah dan pantas. Penggunaan visual melalui ilustrasi, fotografi dan imej-imej pada poster dan infografik serta gambarajah

carta grafik memudahkan kefahaman sasaran khalayak terhadap maklumat kesihatan. Visual berupaya menjelaskan tatacara, rentetan cerita, hubungkait dan kesinambungan kesihatan kepada pesakit. Melalui platform media sosial juga ia secara tidak langsung menggalakkan khalayak sasaran berkongsi mesej-mesej kesihatan melalui rangkaian media sosial, pengikut atau rakan mereka dengan lebih mudah. Sebagai contoh persembahan video-video aspek pencegahan dan maklumat-maklumat kesihatan mudah diperolehi dan dihebahkan kepada sasaran khalayak.

sektor kesihatan mengenai garis panduan penyebaran pandemik dan wabak kepada masyarakat tentang cara membendung, merawat dan mengawalinya. Komunikasi visual memainkan peranan penting dalam pelaksanaan SOP yang disyorkan kerajaan. Sebagai faktor untuk tidak menimbulkan panik di kalangan semua masyarakat, beberapa SOP telah diperkenalkan dan dilaksanakan.


Semasa awal pandemik Covid-19, kebanyakan masyarakat seluruh dunia tidak mengetahui dan tertanya-tanya rupabentuk dan betapa teruknya kesan Coronavirus/Covid-19. Justeru itu imej grafik visual virus Covid-19 mula diperkenalkan,

Kebangsaan (NIAID), baru sahaja mengeluarkan imej pengimbasan mikroskop elektron coronavirus dan ia sangat menarik dari segi estetika. Gambar 1 menunjukkan imej coronavirus melalui imbasan mikroskop.

Pengumuman visual virus Covid-19 mula diperkenalkan dengan pelbagai bentuk. Penampilan virus Covid-19 mula dipertingkatkan dalam rupa bentuk grafik yang pelbagai seperti logo dan ilustrasi mula membanjiri ruang media cetak dan media elektronik. Imej grafik itu direka berdasarkan visual asal Covid-19 yang bertujuan untuk lebih dikenali dan lebih mudah untuk menerangkan kepada masyarakat tentang virus itu. Gambar 2 menunjukkan simbol, lambang dan warna merah yang digunakan sebagai imej grafik untuk menggambarkan penyakit Covid-19. Imej grafik itu direka berdasarkan visual asal Covid-19 yang bertujuan untuk lebih dikenali dan lebih mudah untuk menerangkan kepada masyarakat tentang virus tersebut.

KOMUNIKASI VISUAL SEBAGAI MEDIUM MENDIDIK

Ilustrasi, imej grafik, logo dan maklumat grafik mula menjadi kandungan visual melalui platform media cetak dan media massa. Pada masa ini, semua lapisan masyarakat tidak kira muda atau tua didedahkan dengan maklumat visual supaya masyarakat dapat memahami segala SOP yang perlu dipatuhi tepat pada masanya dan di setiap tempat.



Gambar 1: Visual imej Corona Virus/Covid-19

(Sumber: National Institute of Allergy and Infectious Diseases)

Peranan komunikasi visual dalam sektor kesihatan

Apabila menularnya pandemik dan wabak, kaedah komunikasi visual digunakan secara menyeluruh di seluruh dunia. Pelbagai keperluan garis panduan SOP dikeluarkan oleh

dijelaskan dan dihebahkan kepada umum untuk menggambarkan bahawa ini adalah kemunculan virus Corona atau dikenali sebagai Covid-19. Menurut Amanda (2020), makmal Rocky Mountains (RML) Institut Alergi dan Penyakit Berjangkit



Gambar 2: Imej grafik mengenai Corona Virus/Covid-19
(Sumber: laman web sesawang freepik)

Menurut Miriam (2019), beberapa kajian mendapati visual ilustrasi amat berkesan dalam membimbing mereka yang kurang celik kesihatan, termasuk kanak-kanak dan individu di negara membangun.

Jabatan kerajaan, KKM malah badan bukan kerajaan (NGO) turut membantu merangka garis panduan kesihatan bagi mendidik masyarakat tentang maklumat kesihatan yang perlu diketahui. Contohnya, maklumat grafik visual tentang cara penggunaan topeng muka yang betul untuk pelbagai peringkat umur. Ia seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 3.

KOMUNIKASI VISUAL BERPERANAN UNTUK MEMUDAHKAN KEFAHAMAN

Selagi ada wabak penyakit melanda, sasaran khalayak perlu didedahkan dengan maklumat semasa. Pemahaman tentang visual membantu mengurangkan tekanan masyarakat dalam menjalani kehidupan seharian dan hari-hari yang mendatang. Menurut Neha et al. (2019), dalam sektor perubatan, visual boleh memudahkan perkembangan kemahiran pemerhatian klinikal. Apabila terdapat keperluan dan

ketetapan masyarakat untuk mencegah penularan penyakit, masyarakat perlu memahami SOP yang perlu dipatuhi. Maklumat harus sampai kepada sasaran khalayak dengan tepat dan secepat mungkin. Oleh itu, komunikasi visual memainkan peranan penting untuk membantu menyalurkan maklumat dengan berkesan.

Kesimpulannya, aspek komunikasi menjadi elemen terpenting bagi setiap individu dalam setiap situasi, setiap masa dan setiap tempat. Komunikasi visual memainkan peranan yang besar dalam membantu menyampaikan maklumat penting. Perhatian yang serius harus diambil dalam aspek komunikasi visual supaya ia mampu memberikan peranan yang berkesan. Tidak dinafikan bahawa komunikasi visual juga merupakan penyumbang terpenting kepada kawalan kesihatan dan penularan penyakit.



Gambar 3: Infografik pemakaian topeng muka.
(Sumber: laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia)